

## Sambutan Aidilfitri Raya@UMS Meriah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 13 Julai 2017 17:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 986

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 13 JULAI**

Sambutan Aidilfitri Raya@UMS yang berlangsung di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pagi tadi meriah dengan pelbagai juadah yang dihidangkan di 31 buah gerai makanan.

Antara juadah yang disediakan oleh kakitangan di pelbagai Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut, Unit (JFPIU) serta persatuan-persatuan dan kelab-kelab di UMS ialah kelupis, buras, nasi linopot, kambing golek, soto, laksa, spaghetti, rendang, lemag, buah-buahan, kek, nasi beriani dan banyak lagi.

Majlis Sambutan Aidilfitri Raya@UMS diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah merangkap Canselor UMS, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin bersama isteri, serta Ketua Menteri Sabah merangkap Pro Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman yang turut bersama warga UMS menikmati suasana Aidilfitri pada sebelah tengahari.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin ketika berucap pada majlis tersebut berkata, majlis rumah terbuka seperti ini bertujuan mengeratkan jalinan ukhuwah, persaudaraan dan perpaduan sesama warga UMS dan organisasi sama ada dari dalam mahupun dari luar UMS.

“Majlis sebegini boleh dijadikan batu loncatan untuk kita merapatkan kembali hubungan, saling bermaafan dan bersedia membuka lembaran baru bagi mewujudkan permuafakatan yang lebih utuh lagi.

“Berbeza pendapat adalah lumrah dan harus dimanfaatkan menjadi percambahan idea dan ilmu untuk menghasilkan keputusan yang terbaik dan memberikan kemaslahatan kepada masyarakat dan negara,” ujar beliau.

Suasana majlis dihangatkan lagi dengan persembahan nyanyian dan muzik dari kakitangan UMS, dan cabutan tiket bertuah kepada lebih 2,000 pengunjung yang hadir.